

STRATEGI PENTERJEMAHAN BERITA AKHBAR

Rokiah Awang dan Mashudi Kader.
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia.

Kertas kerja ini membicarakan aspek strategi dalam penterjemahan berita bahasa Inggeris (BI) dalam akhbar Melayu berdasarkan pendekatan fungsian. Antara objektif utama penterjemahan berita dalam akhbar adalah untuk menyebarkan maklumat. Oleh kerana berita ialah bahan berbentuk ilmiah dan umum, maka berita yang terhasil hendaklah bukan sahaja mengandungi berbagai-bagai maklumat, tetapi juga tertulis dalam bentuk yang dapat memenuhi citarasa pembaca. Dengan demikian, maka diandaikan bahawa fungsi penterjemahan berita akan sedikit sebanyak mempengaruhi strategi pihak penterjemah; iaitu strategi-strategi diatur oleh para penterjemah sedemikian rupa untuk menentukan supaya: (a) output berita dalam versi terjemahan akan mampu menyampaikan maklumat dan (b) maklumat berkaitan tertulis dalam bahasa yang sesuai dengan budaya dan faktor-faktor lain yang berkaitan dengan pembaca sasaran. Kertas ini akan memaparkan beberapa strategi penterjemahan dan seterusnya mengaitkannya dengan perkara-perkara yang perlu diambil kira seperti: hal-hal intrinsik (seperti sistem linguistik dan wacana penulisan berita) dan ekstrinsik (seperti sistem pembaca, sistem politik, nilai budaya dan agama para pembaca).

PENGENALAN

Antara objektif utama penterjemahan berita dalam akhbar adalah untuk menyebarkan maklumat; misalnya penterjemah menterjemah berita luar negara bagi pembaca Malaysia yang tujuannya untuk menyebarkan maklumat mengenai perkara-perkara yang berlaku di luar negara.

Walau bagaimanapun, Park (dalam Frazier dan Gaziano 1979) berpendapat bahawa sesuatu berita tidak dapat dianggap sebagai

maklumat sehinggalah ia dapat diakses dan mampu difahami oleh pembaca. Oleh kerana itu Billington et al. (1991) berpendapat bahawa petugas berita tidak hanya menyampaikan berita tetapi juga berkomunikasi dengan memberi penjelasan dan kefahaman tentang berita tersebut yang membolehkan pembaca bertindak berdasarkan maklumat yang dibekalkan.

Oleh yang demikian berita yang diterima daripada sumber luar negara terlebih dahulu perlulah diolah sedemikian rupa agar ia dapat diterima, difahami dan dihayati oleh pembaca sasaran; yakni berita yang terhasil hendaklah bukan sahaja mengandungi berbagai-bagai maklumat, akan tetapi juga tertulis dalam bentuk yang dapat memenuhi citarasa pembaca. Untuk mencapai matlamat ini berita terjemahan perlulah memenuhi kriteria-kriteria yang membolehkan ia dihayati oleh budaya sasaran. Ini bermakna format, struktur dan gaya bahasa serta kandungan yang terdapat di dalam berita itu perlulah menepati format, struktur dan gaya bahasa serta kandungan standard berita yang ditetapkan oleh budaya sasaran berkenaan.

Dengan demikian, maka diandaikan bahawa fungsi penterjemahan berita akan sedikit sebanyak menentukan strategi pihak penterjemah. Strategi-strategi diatur oleh para penterjemah sedemikian rupa untuk menentukan supaya output berita dalam versi terjemahan bukan sahaja mampu menyampaikan maklumat kepada pembaca sasaran tetapi juga maklumat berkenaan tertulis dalam bahasa dan gaya yang sesuai dengan pembaca, budaya, ideologi, agama dan faktor-faktor lain yang berkaitan dengan pembaca sasaran.

Istilah **strategi** dapat dirujuk kepada berbagai maksud. Dalam beberapa banyak keadaan, strategi seringkali dibandingkan atau disamakan dengan istilah-istilah lain seperti prosedur, metode, teknik, rancangan, taktik, peraturan dan lain-lain. Dalam terjemahan, definisi yang diberikan oleh Jaaskelainen (1991) dapat diterima untuk menerangkan tentang maksud strategi. Menurut Jaaskelainen strategi ialah:

A set of (loosely formulated,) rules or principles which a translator uses to reach the goals determined by the translating situation in the most effective way.

Satu set peraturan atau prinsip yang dirumus secara longgar yang digunakan oleh penterjemah untuk mencapai matlamat-matlamat yang ditentukan oleh situasi penterjemahan dengan cara yang paling efektif.

(Jaaskelainen., 1991:116)

TUJUAN

Kertas kerja ini akan memaparkan beberapa strategi penterjemahan berita bahasa Inggeris dalam akhbar bahasa Melayu (BM) berdasarkan pendekatan fungsian. Pendekatan fungsian ialah istilah umum yang digunakan

oleh para pengkaji yang melihat tujuan atau fungsi sesuatu teks terjemahan sebagai kriteria paling penting dalam sesuatu aktiviti terjemahan. Teori ini berkisar pada konsep atau idea teori tindakan yang menekankan peranan faktor latar belakang terjemahan seperti situasi, pembaca sasaran, fungsi, budaya dan lain-lain. Pendekatan fungsian tidak melihat terjemahan sebagai perbandingan di antara teks sumber dan teks sasaran dengan mengambil linguistik sebagai rujukan utama tetapi sebaliknya melihatnya daripada kesesuaian fungsi dalam sesuatu situasi atau konteks pemakaian (Schaffner, 1995). Ini bermakna, terjemahan bukan lagi dianggap aktiviti linguistik semata-mata tetapi ialah aktiviti terjemahan yang menitikberatkan teks sasaran yang dituntut oleh keperluan kegunaan pembaca dan kesesuaiannya mengikut pihak yang memberi tugas penterjemahan.

Oleh kerana itu penterjemah akan menggunakan strategi yang dapat memberi kesan paling optima dalam penghasilan teks itu dengan mengambil kira faktor-faktor latar belakang penterjemahan itu; iaitu untuk apa terjemahan itu dihasilkan. Kertas kerja ini akan menunjukkan bahawa strategi-strategi yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah berita tidak hanya menitikberatkan hal-hal **intrinsik** seperti sistem linguistik dan wacana berita tetapi juga mengambil kira hal-hal **ekstrinsik** seperti budaya, agama, politik dan sistem pembaca bagi mencapai matlamat penyampaian maklumat itu.

Untuk mencapai tujuan di atas, kertas ini akan mengambil iktibar daripada Teori Skopos oleh Vermeer (1989). Teori Skopos menekankan bahawa sesuatu interaksi (termasuk penterjemahan) ditentukan oleh tujuan/matlamatnya. Tujuan/matlamat ini berbeza mengikut keperluan/kehendak penerima sasaran (Shuttleworth dan Cowie, 1997). Vermeer berpendapat interaksi tersebut haruslah dilakukan sedemikian rupa supaya teks/terjemahan itu mencapai tujuan ia dihasilkan; yakni dapat memenuhi keperluan situasi penggunaannya, orang yang mahu menggunakannya dan cara ia digunakan.

Translate/interpret/speak/write in a way that enables your text/translation to function in a situation in which it is used and with the people who want to use it and precisely in the way they want it to function.

(Vermeer, dalam Nord, 1997:29)

Oleh kerana itu, faktor-faktor latar belakang teks sasaran seperti pembaca sasaran, kebudayaan, sistem pentadbiran, norma dan konvensi sesuatu masyarakat atau organisasi perlu diambil kira dalam menterjemah sesuatu teks.

Seterusnya untuk mencapai tujuan kajian, kertas ini menggunakan data serta terjemahan di dalam akhbar *Berita Harian* dan membandingkannya dengan teks sumber yang dikeluarkan oleh agensi berita

antarabangsa. Data tersebut dikutip dari bulan Mac hingga April 1996.

HAL-HAL INTRINSIK DAN NILAI EKSTRINSIK

Hal-hal Intrinsik

Sistem Linguistik

Perbezaan ketara yang dapat dilihat di antara BI dan BM adalah dari segi sistem sintaksis yang digunakan. Penggunaan **Hukum DM (Diterangkan-Menerangkan)** sebagaimana yang digunakan di dalam BM ialah kebalikan daripada sistem yang digunakan di dalam BI. Satu lagi perbezaan di antara kedua-dua bahasa ini ialah kebanyakan daripada kategori nahu BI mengalami infleksi apabila ia merujuk kepada unsur kala, jantina, bilangan dan umpamanya. Sebaliknya perkara ini tidak berlaku di dalam BM.

Dalam bidang penterjemahan berita yang mementingkan maklumat ringkas dan padat, perbezaan di antara kedua-dua bahasa ini mungkin menimbulkan masalah lebih-lebih lagi apabila ia dibatasi oleh kendala ruang. Masalah ini sudah semestinya memerlukan strategi penterjemahan yang sesuai dengan mengambil kira perbezaan sistem linguistik di antara kedua-dua bahasa itu agar maklumat dapat disampaikan dengan ringkas dan padat di dalam ruang terhad yang disediakan. Cuba kita lihat contoh 1 dan 2 di bawah ini:

1. *He said the agency had been tipped off by a source several weeks ago that smugglers might try the novel approach,* (Reuters, 28 March 1996).

Beliau berkata, agensi itu menerima maklumat orang ramai beberapa minggu lalu bahawa kumpulan penyeludup mungkin menggunakan pendekatan luar biasa itu, (BH, 30 March 1996).

2. *He thinks she might kill him if she finds out,* (NYT, 29 March 1996).

Sugimoto berkata: "Asahara bimbang dibunuh Tomoko jika isterinya mengetahui perkara itu," (BH, 6 April 1996).

Dalam contoh 1 identiti jantina subjek tidak dapat ditentukan apabila penterjemah menggunakan gantinama diri *beliau* bagi menterjemah kata *he*. Sebaliknya dalam contoh 2, pembaca dapat mengenali subjek yang dimaksudkan apabila penterjemah memilih untuk menterjemah gantinama diri di dalam teks sumber dengan nama khas (*Sugimoto, Asahara dan Tomoko*).

Hal yang sama dapat dilihat dalam unsur kala yang terdapat dalam setiap ayat BI. Oleh kerana unsur fleksi kala yang merujuk kepada masa

lampau, masa kini dan masa hadapan (past, present, future) sebagaimana yang terdapat dalam BI tidak wujud di dalam BM, strategi yang digunakan oleh penterjemah untuk menunjukkan masa apabila aspek ini perlu digunakan adalah dengan menggunakan kata bantu aspek (*sedang, tengah, masih, sudah, telah, akan*) atau adverbial masa sebagaimana ditunjukkan dalam contoh 3.

3. *Razgon served many years in Soviet prison camps during the Soviet dictator's rule,* (AP, 15 March 1996).

Razgon pernah berkhidmat selama beberapa tahun dalam kem penjara Soviet ketika pemerintah diktator Soviet itu, (BH, 17 March 1996).

Strategi yang agak berlainan diambil dalam menterjemah kata bilangan. Di dalam BI bilangan yang banyak dapat ditunjukkan hanya dengan menambah huruf 's', 'es' atau merubah morfem melalui perubahan beberapa huruf hujung sesuatu perkataan. Di dalam BM terdapat dua cara untuk menunjukkan bilangan, iaitu dengan penggandaan kata dasar atau menambah leksikal lain yang menunjukkan kata bilangan. Walau bagaimanapun, kedua-duanya mengambil ruang yang lebih jika dibandingkan dengan ruang yang diambil oleh bahasa sumber. Ini menimbulkan masalah kepada penterjemah yang dibatasi kendala ruang, lalu menyebabkan mereka mengambil jalan tengah dengan hanya menggunakan kata dasar semata-mata tanpa menggandakan atau menambahkan perkataan lain walaupun ia dirujuk kepada bilangan banyak. Dalam sesetengah keadaan rujukan bilangan itu dapat dipastikan melalui konteks ayat.

Contohnya, dalam teks 4 di bawah, rujukan bilangan dapat dilihat melalui frasa 'dari satu bangkai ke bangkai binatang lain.'

4. *The Centre for Science in the Public Interest (CSPI) said chickens and turkeys are contaminated with their own feces and the contents of their intestines and the contamination is spread from one carcass to another,* (Reuters, 13 March 1996).

Pusat Sains Untuk Kepentingan Awam (CSPI) menyatakan, ayam dan ayam belanda tercemar menerusi tahi termasuk apa yang terkandung dalam saluran usus menyebabkan pencemaran itu tersebar dari satu bangkai ke bangkai binatang lain, (BH, 14 March 1996).

Satu keunikan aspek nahu BM jika dibandingkan dengan BI ialah kebanyakan kata nama bilangan memerlukan penjodoh bilangan. Ini juga melibatkan penggunaan ruang yang lebih dalam teks sasaran. Terdapat ketidakseragaman dalam pemakaian aspek ini sebagaimana ditunjukkan

dalam korpus penterjemahan berita. Sesetengah ayat memperlihatkan penggunaan penjodoh bilangan sementara yang lain ia tidak dimasukkan. Ketidakteraturan ini dapat juga dilihat di dalam satu ayat, contohnya dalam teks 5 yang menunjukkan penggunaan penjodoh bilangan untuk merujuk kepada *bas* tetapi tidak kepada *lelaki* dan *lori*.

5. *The prisoners, including two men on stretchers, had left Tuzla regional jail in two buses and two trucks shortly before 11 p.m. for the hour's drive to the bridge, (AFP, 24 March 1996).*

Tahanan itu termasuk dua lelaki yang dibawa dalam pengusung, meninggalkan penjara Tuzla dalam dua buah bas dan dua lori sejurus sebelum 11 malam waktu tempatan) untuk dibawa ke jambatan itu,' (BH, 25 March 1996).

Wacana Penulisan Berita

*Wacana penulisan berita bukan sahaja berbeza di antara budaya malah juga di antara organisasi. Setiap organisasi berita mempunyai gaya dalaman tersendiri (*in-house style*) dari segi format berita dan penulisan yang dapat membezakannya dengan organisasi lain. Oleh kerana itu, setiap berita yang diterjemahkan perlulah mengambil kira wacana penulisan berita yang terdapat dalam budaya sasaran itu.

Selain daripada format standard yang digunakan oleh sesebuah organisasi berita, isi kandungan berita juga perlu mengikut gaya bahasa yang ditetapkan oleh organisasi itu. Satu aspek penting dalam penulisan berita ialah waktu. Waktu dalam wacana berita perlu mengikut konvensi yang terdapat dalam budaya sasaran. Dalam konvensi berita yang dipakai dalam berita BM, waktu merujuk kepada masa pembaca itu membaca berita tersebut, bukannya masa kejadian berlaku atau masa wartawan menulis laporan itu. Oleh kerana itu kita mendapati waktu dalam berita sumber selalunya tidak diterjemahkan secara langsung; sebaliknya ia disesuaikan dengan waktu pembaca sasaran seperti contoh 6 di bawah:

- | | | |
|------------------------------|---|--|
| 6. (a) Sunday | → | <i>semalam</i> |
| (b) earlier in the day | → | <i>awal semalam</i> |
| (c) Tuesday | → | <i>kelmarin</i> |
| (d) 14 days ago | → | <i>dua minggu lalu</i> |
| (e) 1995 | → | <i>tahun lalu</i> |
| (f) the second week of April | → | <i>minggu depan</i> |
| (g) 6 p.m. (1500 GMT) | → | <i>6.00 petang (11.00 malam waktu Malaysia.)</i> |

Walau bagaimanapun ada juga kekecualian di sini. Contohnya

waktu yang terdapat dalam contoh 7 tidak mengalami perubahan kerana ia terdapat di dalam cakap ajuk. Oleh kerana itu, penterjemah telah memasukkan maklumat tambahan dengan memasukkan perkataan *semalam* ke dalam kurungan untuk memberi rujukan waktu sebenar kepada pembaca.

7. *"We thought we were going to wrap up tonight but then 300 people turned up at the embassy gates," said US military spokesman Colonel Bob Anderson in Freetown, Sierra Leone, (AFP, 14 April 1996).*

"Kami merancang menamatkannya malam ini (*semalam*), tetapi 300 orang muncul hadapan kedutaan," kata jurucakap tentera Amerika, Kolonel Bob Anderson di Freetown, Sierra Leone,' (BH, 15 April 1996).

Selain daripada itu organisasi berita juga lazimnya mempunyai gaya tersendiri dalam penulisan kandungan maklumat. Dalam (c), terdapat perubahan dari segi urutan kandungan maklumat di antara teks sumber dengan teks sasaran. Dalam teks sumber nama subjek di dalam ayat itu mendahului jawatannya sementara dalam teks sasaran urutan itu terbalik dengan jawatan mendahului nama subjek.

8. *Carl Bildt, the top international civilian official in Bosnia, told the council Wednesday that 90 people are still being held in Bosnia, although all prisoners were to have been liberated by January 19, (AFP, 4 April 1996).*

'Wakil khas FBB di Bosnia, Carl Bildt, kelmarin memberitahu majlis, 90 orang masih ditahan di Bosnia, walaupun semua tahanan sepatutnya dibebaskan menjelang 19 Januari lalu, (BH, 5 April 1996).

Ayat 9 juga menunjukkan perubahan urutan maklumat walaupun ia berbeza daripada 8 kerana perubahan kedudukan frasa teks sumber di dalam teks sasaran telah mengubah keseluruhan ayat. Dalam teks sumber 9, ayat yang digunakan bersifat pasif sementara dalam teks sasaran perubahan yang dilakukan oleh penterjemah menjadikan ayat itu ayat aktif. Strategi ini diambil kerana dalam wacana berita, kelihatan ada kecenderungan penggunaan ayat aktif lebih diutamakan daripada ayat pasif.

9. *But the dlr\$ 30 million burned over six months isn't viewed as ill-spent by the eldest son of the late Malcolm Forbes, (AP, 16 March 1996).*

'Bagaimanapun, anak lelaki sulung mendiang Malcolm Forbes itu tidak mengangap wang AS\$30 juta (RM75juta) yang dibelanjakannya dalam tempoh enam bulan sebagai pembaziran. (BH, 17 Mac 1996).

Nilai Berita

Salah satu daripada aspek terpenting yang menentukan kandungan laporan berita ialah **nilai berita**. Nilai berita merujuk kepada perkara-perkara seperti *negativiti, personaliti elit, keterhampiran (proximity)* dan sebagainya yang dapat menarik minat pembaca. Oleh kerana itu, kita dapati petugas berita tidak memasukkan segala fakta yang berkaitan dengan berita yang berlaku, sebaliknya mereka memilih fakta-fakta tertentu sahaja untuk dijadikan berita. Fakta-fakta yang terpilih pula kelihatan disusun mengikut kepentingannya dengan fakta yang paling penting atau paling menarik ditempatkan sebagai berita utama dalam tubuh laporan. Fakta yang dikira kurang penting atau kurang menarik diatur di bawah berdasarkan hirarki kepentingannya; yakni semakin kurang penting fakta itu semakin ke bawahlah kedudukannya dalam struktur laporan itu.

Nilai kepentingan berita pula tidak sama kerana ia bergantung kepada berbagai-bagai faktor seperti profil pembaca, sistem politik, budaya, agama dan sebagainya. Nilai ini juga dibuat oleh petugas berita berdasarkan pemahamannya mengenai faktor mana yang difikirkannya penting. Oleh kerana itu aspek berita yang ditekankan di dalam teks sasaran mungkin berbeza dengan penekanan yang dibuat oleh teks sumber.

Dalam contoh 1 penulis teks sumber memilih kejadian rusuhan di Irian Jaya sebagai berita utama laporan itu. Sebaliknya penterjemah memilih untuk mengengahkan nilai negatif yang terkandung dalam ayat kedua teks sumber, iaitu jumlah mangsa yang terkorban dan tercedera sebagai berita utama teks sasaran kerana berpendapat maklumat ini lebih menarik jika dibandingkan dengan maklumat dalam ayat pertama teks sumber.

10. *JAKARTA, Indonesia (AP) - Thousands rioted in the capital of Indonesia 's Irian Jaya province Monday over the death of a former leader of the rebel Free Papua Movement. Officials and witnesses said three people were killed, scores injured and 37 arrested as mobs burned vehicles, shops and other buildings before troops restored calm, (AP, 18 March 1996).*

JAKARTA, Isnin - Tiga orang mati dan berpuluh-puluh lagi cedera apabila ribuan penduduk wilayah Irian Jaya di Indonesia, hari ini merusuh selepas kematian bekas pemimpin Pergerakan Pembebasan Papua (FPM), (BH, 19 March 1996).

Hal yang sama dapat dilihat dalam contoh 2 yang menunjukkan perubahan urutan maklumat. Dalam 2, penterjemah telah menukarkan kedudukan frasa dalam ayat teks sasaran untuk menonjolkan nilai negatif yang terdapat dalam ayat itu. Cara meletakkan kejadian pengeboman

sebagai maklumat yang lebih penting berdasarkan kedudukannya di dalam ayat itu menunjukkan penterjemah merasai fakta mengenai kematian wanita dan kanak-kanak itu, yakni kesan daripada kejadian pengeboman itu lebih menarik kepada pembaca sasaran dan perlu diberi penekanan dengan mengubah kedudukan urutannya di dalam teks sasaran.

11. *An Israeli helicopter rocketed an ambulance packed with refugees fleeing south Lebanon on Saturday, killing two women and four girls, (Reuters, 13 April 1996).*

'Dua wanita dan empat kanak-kanak yang melarikan diri daripada serangan askar Israel semalam, maut apabila sebuah helikopter tentera Yahudi membedil ambulans yang membawa mereka dan pelarian lain, (BH, 14 April 1996).

Satu lagi nilai berita yang sering menjadi pilihan wartawan dalam menulis berita utama ialah *personaliti elit*. Personaliti elit merujuk kepada orang terkenal yang dijadikan bahan berita. Maksud elit dalam aspek ini tidak terbatas kepada orang kaya atau ternama sahaja malah ia dapat dirujuk kepada orang yang dikenali ramai kerana perbuatan jahatnya seperti pembunuh dan perompak. Dalam teks 3 urutan maklumat ayat teks sasaran telah diubah daripada urutan teks sumber untuk memberi penekanan kepada anak Presiden Suharto, iaitu Siti Hardiyanti Rukmana yang merupakan personaliti elit di dalam ayat ini dibandingkan dengan tiga orang jeneral parti Golkar yang lain.

12. *The event was attended by three other generals, who all wore the party's yellow color and by Golkar vice-chairman Siti Hardiyanti Rukmana, President Suharto's eldest daughter, (AFP, 14 March 1996).*

Majlis itu dihadiri anak sulung presiden Suharto yang juga naib presiden Golkar, Siti Hardiyanti Rukmana, termasuk tiga jeneral lain yang memakai pakaian berwarna kuning, warna golcar, (BH, 15 March 1996).

Seterusnya, **keterhampiran** merupakan satu lagi nilai berita yang sering menjadi pilihan petugas berita dalam usaha menyusun struktur sesuatu laporan. Keterhampiran mungkin merujuk kepada jarak fizikal sesuatu itu atau pun jarak bukan fizikal dalam erti kata perkaitannya dengan perkara atau benda lain.

Dalam teks 4, keterhampiran di sini mengambil kira perkaitan keagamaan, yakni hubungan sesama Islam. Memandangkan majoriti pembaca sasaran terdiri daripada pembaca Melayu yang beragama Islam, penterjemah telah mengambil aspek perkaitan ini untuk dijadikan berita

utama di dalam teks sasaran kerana bagi pembaca Islam di negara ini, apa-apa yang berlaku kepada umat Islam di negara lain ialah sesuatu yang menarik untuk diambil tahu. Oleh kerana itu, walaupun dalam teks sumber peletupan rumah pakar bom pergerakan Islam Hamas hanya dijadikan berita sampingan; dalam teks sasaran ia telah dijadikan berita utama. Strategi yang demikian dilakukan ialah kerana penterjemah berpendapat fakta ini adalah lebih relevan dan menarik kepada pembaca sasaran yang beragama Islam.

13. JERUSALEM, March 15 (Reuters) — *Rocked by Moslem suicide bombings that kills 58 people, Israel had little to smile about in the past few weeks. Until Bill Clinton came to town. Despite police warnings that bombers might be on the loose, the only blast during Clinton's 22-hour solidarity visit was Israel's demolition of the house of Yahya Ayyash, the assassinated master bombmaker of the militant Hamas group.* (Reuters, 15 March 1996).

BAITULMAQDIS, Jumaat — *Tentera Israel semalam meletupkan rumah pakar bom Pergerakan Islam Hamas, Yahya Ayyash, ketika kunjungan Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, ke sini.* (RH, 15 March 1996).

Nilai Ekstrinsik

Budaya

Untuk membolehkan sesuatu terjemahan diterima oleh budaya sasaran, ia perlu mematuhi kriteria yang telah ditetapkan dalam budaya sasaran itu. Oleh kerana itu, seseorang penterjemah hendaklah mempunyai pengetahuan mengenai budaya teks sumber dan juga teks sasaran termasuk norma dan konvensi masyarakat sasaran. Contoh (1-7) di bawah menunjukkan strategi yang digunakan oleh penterjemah untuk menterjemahkan teks sumber dengan mengambil kira norma dan konvensi yang digunakan dalam budaya sasaran. Contoh 1 dan 2 merujuk kepada sistem panggilan, contoh 3 berkaitan dengan sistem ukuran dan timbangan, manakala contoh 4 berkenaan dengan sistem matawang yang digunakan.

14. *The March 7 warning was the second in five months and followed a report by the magazine of a possible cabinet reshuffle by Prime Minister Mahathir Mohamad by May, speculating that Mahathir could move his deputy, Anwar Ibrahim, who is also finance minister, to the defence or home affairs portfolio.* (AFP, 1 April 1996).

Amaran Mohamed pada 7 Mac lalu adalah yang kedua dalam tempoh lima bulan selepas majalah itu melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mungkin merombak Kabinet bulan lalu selain

meramalkan bahawa pemimpin Malaysia itu mungkin menjadikan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan, sebagai Menteri Pertahanan atau Dalam Negeri, (RH, 1 April 1996).

Dalam contoh (14), gelaran *Datuk Seri* yang dianugerahkan kepada perdana menteri dan timbalannya tidak digunakan oleh penulis di dalam teks sumber. Oleh kerana itu, penterjemah telah memasukkan gelaran itu ke dalam teks sasaran untuk disesuaikan dengan sistem panggilan di dalam negara ini.

15. *A hospital spokesman told AFP that Khan was not in the hospital when the bomb went off.* (AFP, 14 April 1996).

'Seorang jurucakap hospital beritahu agensi berita bahawa Imran tidak berada di hospital itu ketika kejadian, (RH, 15 April 1996).

Dalam contoh 2, nama *Khan* merujuk kepada pemain kriket Pakistan, Imran Khan. Dalam budaya Barat, panggilan rasmi yang digunakan untuk seseorang diambil daripada nama keluarganya (*surname*), manakala dalam BM ia diambil daripada namanya sendiri. Dalam teks sasaran, penterjemah telah menyesuaikan nama yang terdapat dalam teks sumber dengan budaya Melayu, yakni dengan menterjemah *Khan* kepada *Imran*.

- | | | | |
|---------|--|---|--|
| 16. (a) | <i>seven feet (3.3 metres)</i> | → | <i>3.3. meter</i> |
| (b) | <i>1.04 kilograms (3.1 pounds)</i> | → | <i>1.04 kilogram</i> |
| (c) | <i>18-liter (4.7-gallon)</i> | → | <i>18 liter</i> |
| (d) | <i>400 km (250 miles)</i> | → | <i>400 kilometer</i> |
| (e) | <i>236 square-meter (189 squareyard)</i> | → | <i>236 meter persegi</i> |
| 17. (a) | <i>dlrs 35,000</i> | → | <i>A S \$ 3 5 , 0 0 0 (RM187,500,)</i> |
| (b) | <i>5,000 crowns (\$680)</i> | → | <i>5,000 crown ('RM 1, 700)</i> |

Dalam contoh 16, penulis teks sumber telah memasukkan kedua-dua sistem imperial dan metrik ke dalam teks sumber untuk menyampaikan maklumat tentang ukuran dan timbangan. Untuk menyesuaikan maklumat ini dengan sistem yang dipakai di Malaysia, penterjemah telah menggugurkan maklumat dalam sistem imperial dan menyesuaikan maklumat dalam sistem metrik kepada sistem ejaan BM. Dalam contoh 4 pula, penterjemah telah menyesuaikan sistem matawang asing di dalam teks sumber dengan menukarkan atau memasukkan sistem matawang Malaysia ke dalam teks sasaran.

Istilah dan Penggunaan Bahasa

Kedudukan sesuatu istilah di dalam bahasa biasanya ditentukan oleh penggunaannya di dalam masyarakat. Ada perkataan yang langsung mati/hilang kerana telah tidak digunakan lagi. Ada pula perkataan baru yang dicipta atau diimport daripada bahasa lain untuk memenuhi keperluan baru dalam sesuatu bahasa itu. Dalam BM kini terdapat beberapa banyak istilah baru yang dibawa masuk daripada atau melalui BI yang bertujuan untuk mengayakan kosa kata BM terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Beberapa banyak daripadanya dipindahkan melalui kaedah transliterasi yang mengekalkan perkataan asal tetapi disesuaikan ejaannya dengan hukum fonetik/morfologi BM. Ekoran daripada itu ada istilah yang sukar difahami oleh orang ramai. Ia menyebabkan pemakaiannya hanya terbatas kepada bidang-bidang atau golongan-golongan tertentu sahaja. Sifat kekhususan yang terdapat dalam istilah ini menyebabkan beberapa banyak istilah yang tidak dapat diketengahkan ke dalam berita memandangkan berita adalah untuk bacaan umum. Contohnya dalam perkataan *paedophilia* yang terdapat dalam teks sumber di bawah ini (contoh teks), ada kepadanannya yang sebenar dalam BM iaitu *fidofilia*. Memandangkan makna istilah itu tidak berapa diketahui ramai, penterjemah telah mengambil keputusan untuk tidak menterjemahnya kepada istilah padanan yang ada; sebaliknya menerangkan makna perkataan itu kepada pembaca di dalam teks sasaran.

18. "Specific international websites ...are a breeding ground for *paedophilia*, Philippines Senator Ramon Magsaysay said in a statement on Wednesday, (Reuters, 15 March 1996).

"Maklumat khas antarabangsa. . .adalah asas pembiakan *kumpulan seks dengan kanak-kanak ini*," kata Senator Ramon Magsaysay, dalam kenyataannya semalam, (RII, 16 March 1996).

Dalam pada itu, ada pula perkataan yang digunakan dengan makna lain selain daripada makna asal. Dalam (Contoh 2) perkataan *bishop* dalam teks sumber telah diterjemahkan kepada perkataan *paderi* meskipun ada padanan yang sesuai di dalam bahasa sasaran, iaitu *biskop/uskup*. Jika diteliti, memang terdapat perbezaan di antara makna perkataan *paderi* dengan *biskop/uskup* yang merujuk kepada kedudukan jawatan dan mazhad di dalam agama Kristian. Oleh kerana perkataan *biskop/uskup* jarang sekali digunakan di dalam masyarakat Melayu serta ramai yang tidak mengetahui kewujudan perkataan itu, penterjemah telah membuat keputusan untuk menggunakan perkataan *paderi* bagi istilah *bishop* walaupun hirarki *paderi* jauh lebih rendah daripada kedudukan *bishop*.

19. A Brazilian paraplegic said he may sue a Roman Catholic *bishop* who rejected his marriage application because he was impotent. (Reuters, 27 March 1996).

Seorang lelaki Brazil yang lumpuh berkata, beliau mungkin menyaman paderi Roman Katolik yang menolak permohonannya untuk berkahwin semata-mata kerana beliau mati pucuk, (RH, 27 March 1996).

Sebaliknya dalam contoh 3, frasa nama yang terdapat dalam teks sumber telah diterjemahkan kepada istilah khusus di dalam bahasa sasaran kerana perkataan *jihad* itu memang lumrah pemakaiannya di kalangan BM/budaya Islam negara ini.

20. The minister indicated that Arab nationals had been trained in military camps in Afghanistan to take part in a "holy war" in Kashmir, but that few went there and most took part in terrorist activities in Pakistan, (AFP, 11 April 1996).

'Menurutnya, beberapa warga negara Arab yang dilatih dalam strategi ketenteraan di khemah tentera Afghanistan bagi menyertai kempen *jihad* di Kashmir, tetapi tidak ramai yang pergi ke sana sebaliknya bergiat dalam keganasan di Pakistan,' (BH, 11 April 1996).

Sistem Politik

Sistem politik atau ideologi nasional sesebuah negara dapat juga mempengaruhi strategi yang digunakan oleh penterjemah untuk menterjemahkan teks sumber agar sesuai dengan sistem politik teks sasaran. Dalam sesetengah keadaan, ada maklumat dalam teks sumber yang digugurkan daripada teks sasaran kerana ia dianggap berlawanan dengan faktor politik teks sasaran. Contohnya dalam 1, perkataan *powerful* dalam teks sumber telah digugurkan dari teks sasaran kerana dianggap mengkritik pentadbiran negara Malaysia. Dalam hal ini penterjemah telah bertindak sebagai 'gatekeeper' dengan menyaring maklumat yang dikira negatif daripada disalurkan kepada pembaca. Hal yang demikian ini berlaku kerana terdapat hubungan rapat di antara akhbar perdana di Malaysia dengan kerajaan dari segi pemilihan dan/atau pentadbiran sehingga kelihatan seolah-olah polisi organisasi akhbar condong menuruti polisi yang dirumuskan oleh kerajaan.

21. Malaysia's *powerful* Home Ministry has ordered all ministries and state government departments to stop subscribing to Asiaweek, following recent alleged malicious articles against the country's leadership, (AFP, 1 April 1996).

Kementerian Dalam Negeri Malaysia mengarahkan semua kementerian dan jabatan kerajaan negeri berhenti melanggan majalah itu selepas Asiaweek menyiarkan beberapa artikel mengkritik /kepemimpinan Kuala Lumpur, (BH, 2 April 1996).

Dalam contoh 22 di bawah ini pula, penterjemah telah menukar perkataan-perkataan yang terdapat dalam teks sumber yang dianggap mempunyai makna negatif kepada perkataan-perkataan lain yang lebih positif atau neutral. Contohnya perkataan *militants* telah diterjemahkan kepada *aktivis* manakala *radical groups* diterjemahkan kepada *kumpulan*. Namun demikian, dibandingkan dengan contoh (21), perkataan yang diganti di sini ada kaitannya dengan nilai keagamaan terutamanya dalam frasa *deadly suicide bombings*. Frasa dalam teks sumber ini tidak dapat diterima di dalam budaya sasaran kerana tindakan membunuh diri sangat bertentangan dengan ajaran agama Islam. Jadi dalam konteks ini, penggantian frasa teks sumber itu adalah untuk membetulkan fakta tidak tepat yang terdapat dalam teks tersebut kerana sukar bagi seseorang Islam menerima bahawa serangan yang dilakukan oleh pejuang Islam Hamas adalah tindakan membunuh diri.

22. *Palestinian police have rounded up some 600 militants from the Islamic Resistance Movement (HAMAS,) and Islamic Jihad since the two radical groups claimed a spate of deadly suicide bombings in Israel between February 25 and March 4, (AFP, 17 March 1996).*

'Polis Palestin menahan kira-kira 600 *aktivis* pergerakan Islam Hamas dan Jihad Islam sejak dua *kumpulan* itu mengaku melancarkan beberapa serangan bom menggunakan *pejuang berani mati* di Israel di antara 25 Februari dan 4 Mac lalu, (RH, 17 March 1996).

Sebaliknya terdapat pula maklumat tambahan yang dimasukkan ke dalam teks sasaran untuk menonjolkan sesuatu maksud. Dalam (23), perkataan *gerila* telah dimasukkan ke dalam teks sumber seolah-olah untuk menunjukkan polisi kerajaan negara Malaysia yang menentang kekejaman yang dilakukan oleh pihak Serb ke atas penduduk Bosnia di negara bekas Yugoslavia.

23. *The troops reinforced U.N. police patrolling the former Olympic village of Dobrinja amid reports that the Serbs were smuggling in guns, (Reuters, 21 March 1996).*

'Nato memperkukuhkan kedudukan tentera dan menghantar polis peronda Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke bekas kampung Olimpik Dobrinja kerana *gerila Serb* dilaporkan menyeludup senjata,' (BH, 22 March 1996).

Sistem Pembaca

Sistem pembaca merujuk kepada hal kemudahbacaan dan tahap pengetahuan pembaca. Salah satu daripada aspek yang mungkin menarik minat pembaca kepada sesuatu berita ialah ia mudah dibaca. Berita yang tidak teratur dan kompleks menyebabkan pihak pembaca cepat bosan meskipun isinya adalah penting dan relevan. Oleh kerana itu antara strategi penterjemahan dalam usaha mencapai matlamat ini adalah dengan menentukan bahawa ayat yang diterjemah itu sederhana panjangnya dan tidak terlalu kompleks supaya mudah dibaca. Contoh (24) menunjukkan strategi penterjemah memendekkan ayat teks sumber yang panjang dengan membahagikannya kepada dua ayat di dalam teks sasaran bagi memudahkan pembaca.

24. *It was not clear who was at the controls at the time of the crash, but pilots said it would have taken an experienced pilot with instrument training to have manoeuvred such treacherous conditions, (AFP, 12 April 1996).*

'Tidak jelas siapa mengendalikan pesawat ketika nahas itu. Juruterbang berkata hanya seseorang juruterbang mahir berupaya mengendalikan pesawat berkenaan ketika cuaca buruk itu, (RH, 13 April 1996).

Dalam 25 pula, penterjemah telah membahagikan ayat teks sumber kepada dua dengan mengeluarkan klausa yang terletak di tengah-tengah ayat teks sumber itu dan menjadikannya ayat berasingan di dalam teks sasaran.

25. *Britain is trying to deport Masaari — who has used his London base to bombard Saudi Arabia with dissident material, particularly against the Saudi royal family — to protect about 20 million pounds (30 million dollars) in Saudi arms contracts, (AFP, 23 March 1996).*

'Britain cuba menghantar pulang Masari bagi melindungi kontrak senjatanya dengan Arab Saudi bernilai 20 juta pound (RM80 juta). Masari dikatakan menggunakan pejabatnya di London bagi mengancam Arab Saudi khususnya keluarga diraja yang memerintah'. (RH, 24 March 1996).

Selain daripada mudah dibaca, berita yang dihidangkan kepada pembaca perlulah relevan dengan tahap pengetahuan pembaca. Misalnya maklumat-maklumat yang sudah menjadi pengetahuan umum pembaca tidak perlu dimasukkan ke dalam teks sasaran kerana ia hanya akan membazirkan ruang dan mungkin membosankan pembaca yang sudah mengetahui maklumat itu. Dalam (26), maklumat dalam teks sumber yang merujuk kepada jasa bekas perdana menteri Lee Kuan Yew membangunkan

negara Singapura dikira tidak relevan kepada pembaca Malaysia mungkin kerana kebanyakan pembaca dianggap sudah mengetahui perkara itu. Oleh yang demikian penterjemah telah menggugurkan maklumat ini daripada teks sasaran sernasa proses terjemahan.

26. *The 72-year-old former prime minister, who built Singapore into a thriving, modern trade and financial centre, underwent angioplasty for the first time in January after feeling pain while doing his daily exercise, (Reuters, 15 March 1996).*

'Bekas Perdana Menteri berusia 72 tahun itu menjalani rawatan angioplasty bagi kali pertama, Januari lalu, selepas mengalami sakit fantung ketika melakukan senaman hariannya,' (BIT, 16 March 1996).

Sebaliknya jika sesuatu maklumat di dalam teks sumber itu dikira tidak jelas kerana ia melampaui pengetahuan pembaca, kelihatan strategi yang digunakan oleh penterjemah untuk mengatasi masalah ini adalah dengan memasukkan maklumat tambahan yang sesuai untuk pengetahuan pembaca. Contohnya dalam (27); di situ penterjemah telah menerangkan kepada pembaca makna perkataan *guard*, memasukkan nama khusus *Amerika Syarikat* untuk merujuk kepada lagu kebangsaan negara yang dimaksudkan dan menjelaskan akronim *NBA* yang terdapat dalam teks sumber itu.

27. *Denver Nuggets guard Mahmoud Abdul-Rauf suspended by the NBA for refusing to stand during the national anthem, said Wednesday he did not mean to be disrespectful, and he got some backing from his union, (Reuters, 13 March 1996).*

'Pemain bola keranjang Denver Nuggets, Mahmoud Abdul Rauf yang digantung oleh Persatuan Bola Keranjang Kebangsaan (NBA) kerana enggan berdiri ketika lagu kebangsaan Amerika Syarikat dimainkan, semalam menegaskan beliau tidak berniat menghina, (RH, 13 March 1996).

KESIMPULAN

Dalam kertas ini telah diperlihatkan beberapa strategi penterjemahan dalam penterjemahan berita akhbar. Selaras dan sesuai dengan teori Skopos, contoh-contoh di atas menunjukkan bahawa kelihatan penterjemah telah tidak berkecenderungan menterjemah berita secara langsung; sebaliknya mereka memilih dan mengubahsuai maklumat di dalam teks sumber agar sejajar dengan keperluan dan citarasa pembaca. Strategi yang dipilih menunjukkan bahawa penterjemah bukan hanya mementingkan aspek linguistik semata-mata akan tetapi juga telah kelihatan mengambil kira

juga faktor-faktor yang bersangkutan paut dengan teks sasaran seperti wacana penulisan berita, budaya, profil pembaca, sistem politik, latar belakang agama pembaca dan sistem pembaca.

RUJUKAN

- Billington, R., Strawbridge, S., Greensides, L. & Fitzsimmons, A. (1991). *Culture and Society: A Sociology of Culture*. London: Macmillan.
- Frazier, P.J. & Gaziano, C. (1979). Robert Ezra Park's theory of news, public opinion and social control. *Journalism Monographs*. 64.
- Jaaskelainen, R. (1991). Investigating Translation Strategies. Dalam *Empirical Research in Translation and Intercultural Studies. Selected papers of the TRANSIF Seminar, Savonlinna 1988* (Tirkkonen-Condit, S., ed.), ms. 99-129. Tübingen: Narr.
- Nord, C. (1997). *Translating as a Purposeful Activity*. Manchester: St Jerome Publishing.
- Schaffner, C. (1995). *Theory of Translatorial Action*. Nota Syarahan, University of Aston, Birmingham, 1 Mei 1995.
- Shuttleworth, M. & Cowie, M. (1997). *Dictionary of Translation Studies*. Manchester: St Jerome Publishing.
- Vermeer, H.J. (1989). Skopos and Commission in Translational Action. Dalam *Readings in Translation Theory*, (Chesterman, A., ed.), ms. 173-187. Finland: Oy Finn Lectura.